

18/12/2001

Mentadbir negara bukan sekadar untuk menang pilihan raya

DALAM suasana politik yang begitu baik, banyak pihak membuat ramalan pilihan raya umum akan diadakan pada waktu terdekat sedangkan pilihan raya lalu baru berusia dua tahun. Bagi sesetengah pihak, ramalan seperti ini dilihat dari perspektif yang positif kerana setelah Barisan Nasional (BN) mengalami gelora politik mencabar menjelang dan selepas pilihan raya 2000, mereka melihat parti yang memerintah hari ini mempunyai harapan besar untuk menyapu bersih kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Sebaliknya, jika ia datang daripada parti pembangkang, kemungkinan besar mereka cuba memerangkap parti pemerintah supaya dilihat mempermainkan amalan demokrasi.

Secara positif, ramalan seperti ini mengiktiraf kemantapan dan kebangkitan semula BN dan pada sama mengakui bahawa parti pembangkang kini terlalu lemah dan berada di ambang kehancuran. Jika pemimpin pembangkang sendiri yang membuat spekulasi pilihan raya awal ini, ia jelas menunjukkan mereka sendiri sudah hilang keyakinan pada parti sendiri. Perubahan sikap dunia terhadap Malaysia mengecutkan lagi parti pembangkang.

Berikutan tragedi 11 September lalu di New York dan Washington menakutkan rakyat sama ada Islam atau bukan Islam mengenai bencana yang dibawa oleh pemerintahan Islam ekstremis yang ada dalam ciri-ciri perjuangan Pas. Dalam keadaan Pas yang kian tersepit, terutama setelah DAP mengisytiharkan keluar daripada pakatan pembangkang, dilihat sebagai waktu keemasan bagi BN mengisytiharkan pilihan raya mengejut. Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pula yang menghadapi krisis kepemimpinan berikutan peletakan jawatan dan wujudnya sikap berpuak-puak dalam parti itu, memberi petanda awal bahawa parti yang tidak mempunyai perjuangan yang jelas itu, akan luput ditelan zaman. Hari ini, sebahagian besar pemimpin yang mewakili Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan mereka yang berjuang pada peringkat awal penubuhannya, sudah mula mengasingkan diri. Ciri-ciri perkauman yang menebal menyukarkan pemimpin parti itu menyatukan ahlinya. Dalam keadaan parti pembangkang 'mabuk', Parti Bersatu Sabah (PBS) pula menunjukkan kesediaan menganggotai semula BN. Dengan petunjuk lain seperti kedudukan ekonomi yang terus kukuh, walaupun dunia menghadapi gelombang, galakan yang diberikan dalam Belanjawan 2002, pelbagai kemudahan kepada kakitangan kerajaan dan guru serta sektor lain kebelakangan ini, menguatkan lagi ramalan pilihan raya awal.

Walaupun BN menghidu kemenangan besar jika pilihan raya diadakan segera, namun ia bukanlah matlamat sebenar kerajaan. Mentadbir sesebuah negara bukanlah sekadar untuk memenangi pilihan raya semata-mata. Tugas kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini ialah menjamin kesejahteraan hidup semua rakyat tanpa mengira warna kulit dan agama, untuk jangka waktu panjang meskipun dalam amalan demokrasi, kerajaan yang memerintah berhak mengadakan pilihan raya mengikut budi bicaranya. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kemenangan paling afdal perlu berasaskan kepada keyakinan rakyat kepada kerajaan. Kemenangan yang dihasilkan ketika negara dalam keadaan yang sukar, adalah lebih baik daripada kemenangan mudah. Ditinjau daripada beberapa pilihan raya lalu, BN membuktikan dalam keadaan yang begitu kalut dan tenat sekali pun, rakyat masih tidak dapat menerima pembangkang. BN pernah mengadakan pilihan raya ketika kerajaan menghadapi tekanan tuntutan gaji yang meluas daripada kesatuan sekerja, tekanan politik yang begitu mendesak berikutan perpecahan dalam Umno sewaktu Parti Melayu Semangat 46 berada pada persada

politik negara dan terbaru kemunculan gerakan reformasi. Segala cabaran politik dapat diharungi kerana majoriti rakyat tetap yakin bahawa hanya BN mampu mentadbir negara secara adil dan saksama.

(END)